



# Pendidikan tinggi berkualiti di WOU

## Kerjasama dengan pihak industri jana kemahiran pelajar

Oleh Haryani Ngah  
bhnews@bharian.com.my

**I**LMU pengetahuan sangat penting dalam kehidupan seharian masyarakat moden hari ini. Ilmu pengetahuan menjadi kunci kepada kehidupan, malah ia sangat penting untuk mengekalkan ekonomi.

Sementara hubungan rapat antara akademik dan industri adalah perlu bagi memastikan kehidupan yang seimbang antara pengetahuan dan pemindahan teknologi antara dua platform ini.

Kerjasama antara akademik dengan pihak industri pula akan menghasilkan tenaga kerja berkualiti yang dapat membangunkan bangsa.

Memandangkan keadaan negara kita yang semakin pesat membangun ketika ini dengan ilmu pengetahuan menjadi pemacu kepada ekonomi, pendidikan peringkat tinggi dengan hanya mengikuti sesi pembelajaran di dalam kelas saja tidak lagi sesuai.

Sebaliknya, pemain industri pula yang mengambil alih kedudukan sebagai sumber ilmu bagi pembangunan dan permintaan terhadap pengajian peringkat tinggi mendapat sambutan menggalakkan.

Menerusi pengiktirafan yang diberikan, Wawasan Open University (WOU) menjalin hubungan strategik dengan beberapa persatuan industri yang menghubungkan pengajian tinggi dengan tenaga kerja.

Pada 2008, perjanjian persefahaman (MoU) antara Persekutuan Pengilang Malaysia (FMM) dimeterai bagi membangunkan kemahiran buruh

dalam bidang pembuatan dan perkhidmatan industri tempatan.

Menerusi perjanjian itu, graduan diploma Institut FMM berpeluang memindahkan kredit mereka sambil menyambung pelajaran peringkat ijazah sarjana muda dan ijazah sarjana di WOU.

Kakitangan bank pula boleh mendapat faedah daripada kerjasama antara Kesatuan Pekerja Bank Kebangsaan, yang mana kakitangan kesatuan, ahli, rakan dan ahli keluarga berpeluang mengikuti program latihan di peringkat lebih tinggi dan peluang menyambung pelajaran dalam bidang lain di universiti itu.

Pelajar yang mendaftar menerusi kesatuan berpeluang mendapat diskaun kumpulan dan geran anugerah pengajian.

Perjanjian dengan Chartered Institute of Management Accountants (CIMA) pula membolehkan pelajar CIMA dan ahlinya menggunakan kredit sedia ada untuk menyambung pelajaran di universiti. Graduan perakaunan WOU juga diberi pelepasan tertentu apabila menyambung kursus profesional CIMA.

Menurut Naib Canselor WOU, Tan Sri Emeritus Prof Gajaraj Dhanarajan, lebih 70 peratus pelajarannya adalah pekerja matang, menyambung pelajaran dalam bidang teknikal dan perniagaan yang memberi kelebihan dalam bidang pekerjaan mereka secara tidak langsung.

"Kami menawarkan kursus praktikal yang membantu pelajar mengaplikasikan konsep teori dalam bidang pe-

kerjaan, sekali gus membolehkan pelajar mencapai potensi lebih baik dalam bidang akademik kerana kajian kes adalah berkaitan dengan modul yang dipelajari," katanya.

Dengan keadaan ekonomi yang merudum, Dhanarajan berkata, ini adalah masa yang sesuai untuk pekerja menambah kemahiran mereka dalam bidang kepakaran berkaitan.

Sejak dibuka pada Januari 2007, WOU meneruskan komitmen dalam menyediakan pendidikan tinggi berkualiti di Malaysia.

Universiti ini yang bakal menyambut semester keenam pada Julai depan menawarkan 12 program peringkat ijazah dan dua program sarjana.

Disediakan khas buat pelajar matang, universiti ini menawarkan program secara terbuka dan jarak jauh secara mudah kepada mereka yang bekerja.

Pembelajaran secara jarak jauh yang fleksibel membolehkan pelajar meneruskan pekerjaan mereka ketika belajar di WOU dengan corak pembelajaran secara bersempena sebulan sekali, sesi bersama tokoh industri, pembelajaran pengurusan portal secara online, berinteraksi dengan tutor dan rakan sekuliah dan pelajar berpeluang mengambil cabaran yang bersesuaian dengan mereka.

Untuk maklumat lanjut layari laman web [wou.edu.my](http://wou.edu.my) atau menghubungi talian bantuan WOU di 1-300-888-WOU (968).

Pendaftaran bagi sesi Julai 2009 akan dibuka pada 12 Julai depan.

